

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN WONG TACK (BENTONG)

SOALAN NO. 510

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mempertimbangkan penggunaan teknologi untuk memantau agensi pekerjaan, pekerja serta majikan (*integrated platform* dibawah tadbir urus Kementerian) dan memastikan penggunaan kontrak pekerjaan standard ditandatangani sebelum ketibaan pekerja asing. Ini kerana kekurangan buruh telah menjaskankan pengeluaran negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melakukan pemeriksaan berkanun secara berkala terhadap tempat-tempat pekerjaan di seluruh negara. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan majikan-majikan mematuhi undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan di negara ini seperti Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan lain-lain lagi.
2. JTK telah mempamerkan kontrak-kontrak pekerjaan di laman web www.jtksm.gov.my yang boleh dijadikan contoh kepada mana-mana majikan untuk diberi kepada pekerja-pekerja mereka sesuai dengan corak kerja dan syarikat berkenaan. JTK juga menggunakan sepenuhnya sistem permohonan secara online Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) melalui laman sesawang www.eppax.gov.my dengan meminta majikan yang membuat

SOALAN NO : 510

permohonan memuatnaik terlebih dahulu kontrak-kontrak pekerjaan yang akan diberikan kepada pekerja asing mereka nanti.

Untuk makluman Dewan yang mulia,

3. Peraturan-Peraturan Kerja 1957, Akta 265 itu sendiri telah menetapkan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan yang minimum yang perlu diberikan oleh majikan kepada pekerja mereka. Terma dan syarat pekerjaan boleh diikuti oleh majikan-majikan tanpa sebarang masalah kerana ia mudah dan ringkas.